

16 MEI 2018

Remaja jadi tauke heroin

40

ALUSIUM 31 116 55 • KAWAN JAWA
RABU 16 MEI 2018 • SINAR HARIAN

SETEMPAT

Remaja jadi tauke heroin

Suspek bersama rakan berusia 30-an ditahan bersama dadah seberat 40 gram

ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Dua termasuk seorang remaja tidak bersekolah ditahan bersama dadah jenis heroin seberat 40 gram di Kampung Padang Layang, Mulong, di sini semalam.

Suspek berusia 16 bersama rakannya berusia 33 tahun ditahan dalam sekatan jalan raya dalam Ops Pencegahan Jenayah

Bersepadu di Jalan Kota Bharu-Nilam Puri di kampung itu jam 12.45 tengah hari.

Ketua Polis Daerah Asisten Komisioner Ismail Mat Sidik berkata, mereka ketika itu menaiki motosikal jenis Yamaha LC 135 dipercayai menunggang laju sehingga terbabas berhampiran sekatan jalan raya.

Menurutnya, apabila anggota menuju ke arah suspek, mereka secara tiba-tiba dikatakan cuba melarikan diri, namun berjaya ditahan.

Pemeriksaan di lokasi menjumpai satu plastik cerah berisi bungkus plastik biskut di atas tanah berhampiran raga motosikal.

"Dalam bungkus itu mengandungi 10 botol

info

Remaja tidak bersekolah ditahan kerana 10 botol heroin

berisi serbuk keputihan disyaki dadah jenis heroin," katanya.

Beliau berkata, mereka dibawa ke balai polis untuk tindakan selanjutnya dan ujian saringan terhadap suspek berusia 33 tahun adalah positif dadah jenis morfin manakala remaja itu pula negatif.

"Kedua-dua direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Semakan rekod terhadap suspek juga mempunyai lampau kes dadah," katanya.



Dadah yang ditemui bersama mereka dirampas untuk tindakan lanjut.